

KUCHING, Sabtu. — Sistem pemerintahan demokrasi di Malaysia telah berjalan lebih berkesan dari yang diamalkan oleh beberapa buah negara lain kerana para pemimpinnya tidak tamakkan kuasa, kata Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, kejayaan luarbiasa itu juga disebabkan adanya sikap mengeneikan bibit-bibit perpecahan yang sedia ada di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Menurut beliau, penubuhan Barisan Nasional adalah satu bukti bahawa pemimpin-pemimpin parti yang besar telah sanggup membahagikan kuasa kepada parti-parti lain demi kepentingan negara.

Sikap tidak tamakkan kuasa telah dipelopori oleh Allahyrahman Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Dr. Ismail yang telah mengembalikan kuasa kepada rakyat setelah memerintah secara darurat dalam tahun 1969.

Terpisah

Para pemimpin negara lain yang diberi kuasa sebegitu luas tidak akan memberi balik kuasa kepada rakyat dengan begitu mudah, katanya sewaktu merasmikan perhimpunan agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) di Dewan Tun Abdul Razak di sini.

Dr. Mahathir berkata, terdapat banyak bibit perpecahan di negara ini terutama antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang terpisah jauh oleh lautan yang luas.

Bibit-bibit perpecahan itu termasuk adanya kerajaan sendiri dan dasar-dasar yang berasingan yang pada mulanya menyebabkan perpaduan tidak dapat dicapai dengan mudah.

"Tetapi keadaan ini telah bertukar dan jauh berbeda sekarang. Malahan kini perasaan kekeluargaan dan muhibbah adalah nyata sekali," ujarnya.

BN bukti tak tamak kuasa DR. M: SEBAB2 DEMOKRASI KITA BERJAYA

rolhi Kejayaan yang besar.

Konsep itu, tambahnya, telah dapat menolong mengatasi banyak masalah serta melicinkan lagi pentadbiran negara.

Mengenai penubuhan parti-parti politik di negeri ini, Dr. Mahathir berkata, kerajaan membenarkan siapa saja untuk menubuh parti politik asalkan ia tidak bertujuan menggulingkan kerajaan secara haram.

Katanya, walaupun kebebasan berpolitik yang luas dan liberal diberikan, para pemimpin yang ada sekarang sedar dan sanggup bekerjasama

ma dalam sistem kerajaan campuran.

Timbalan Perdana Menteri berharap perhimpunan itu akan membolehkan ahli-ahli PBB memahami sistem politik dengan lebih mendalam, terutama tentang bibit-bibit perpecahan supaya mereka lebih matang dalam bidang politik demi kebaikan rakyat seluruhnya.

Pemangku Presiden PBB, Datuk Amar Haji Taib Mahmud dalam ucapannya berkata, akar perjuangan politik PBB telah ditanam dalam sejarah Parti Negara Sarawak (PANAS), Barisan Jati Rakyat Sa-

rawak (BERJASA) dan Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA) sebelum wujudnya Malaysia.

PANAS dan BERJASA telah bercantum pada lewat tahun enam-puluhan menerusi penubuhan Parti Bumiputra Sarawak yang kemudian bercantum pula dengan Pesaka pada tahun 1974 bagi mewujudkan PBB yang ada sekarang.

Bercantum

Tambahnya, oleh sebab itu falsafah perjuangan PBB hendaklah berpandu kepada pengalaman pahit dan manis dalam masa lebihkurang 15 tahun yang lampau.

Kemanisannya telah menyegarkan kita seperti juga kepahitannya telah menjadi ubat. Kejayaannya telah terus memerangsang kita sambil kesilapannya telah menjadi ajaran dan membetulkan haluan kita," kata beliau.

Datuk Amar Taib, yang juga Menteri Pengerangan menggesa ahli-ahli PBB memelihara kejayaan yang cemerlang itu dan berpegang terus kepada disiplin yang baik.

Menurut Dr. Mahathir, perubahan ini adalah hasil pentadbiran negeri yang baik di bawah pimpinan Datuk, Patinggi Haji Abdul Rahman Yakub yang sejak mula-mula lagi telah memerjuangkan konsep Malaysia bagi menyatupadukan rakyat Sarawak dengan rakyat Malaysia yang lain.

Timbalan Perdana Menteri menyatakan, konsep Barisan Nasional sebenarnya telah bermula di Sarawak dengan tertubuhnya sistem kerajaan campuran pada tahun 1970.

Beliau berkata, walaupun di Semenanjung Parti Perikatan mempunyai cukup kerusi untuk memerintah, para pemimpinnya yang tidak bersifat tamak kuasa telah mempelawa parti-parti lain menyertai kerajaan seperti yang diilhamkan oleh Sarawak.

Ajaran

Dr. Mahathir menyatakan, konsep Barisan Nasional telah diterima oleh rakyat dalam pilihanraya kebangsaan tahun 1974, di mana calon-calon parti itu mempe-